



01 JAN, 2025

Shamsul Azri Pengerusi Suruhanjaya Tenaga baharu

Berita Harian, Malaysia



Shamsul Azri Pengerusi Suruhanjaya Tenaga baharu

Putrajaya: Kerajaan bersetuju dengan pelantikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar sebagai Pengerusi Suruhanjaya Tenaga yang baharu berkuat kuasa hari ini.

Suruhanjaya Tenaga dalam kenyataan semalam, memaklumkan Shamsul Azri, 55, mempunyai pengalaman luas selama lebih 30 tahun dalam perkhidmatan awam, selain pernah berkhidmat di pelbagai agensi termasuk Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Unit Kerjasama



Shamsul Azri

Awam Swasta (UKAS) dan Pentadbiran Kerajaan Negeri.

“Suruhanjaya Tenaga mengalu-alukan kepimpinan Shamsul Azri untuk membawa agenda Suruhanjaya Tenaga ke tahap lebih tinggi.

“Suruhanjaya Tenaga juga mengucapkan terima kasih kepada Datuk Mohamad Razif Abd Mubin atas sumbangan serta khidmat bakti beliau sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai Pengerusi Sementara Suruhanjaya Tenaga,” menurut suruhanjaya itu.